

# PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

## SEMINAR INTEGRITI DAN PEMANTAPAN PENGURUSAN KEWANGAN



Zon Selatan



Zon Tengah



Zon Utara

Objektif seminar ini adalah untuk mendedahkan pegawai dengan perangkap sogokan yang mungkin berlaku dalam tatacara perolehan, memantapkan pengetahuan pegawai dalam pengurusan bayaran, dan sekaligus meningkatkan kesedaran yang berterusan dalam kalangan warga kerja berkenaan pengurusan kewangan yang baik. Seminar ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri. Siri pertama telah dilaksanakan di Zon Selatan bertempat di imperial Hotel Kuching pada 16 Mei 2024, siri kedua di Zon Tengah bertempat di Tanahmas Hotel, Sibu pada 30 Julai 2024 dan siri ketiga di Zon Utara yang bertempat di Meritz Hotel, Miri pada 26 September 2024. Penceramah yang dijemput semasa seminar – seminar tersebut adalah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Audit Negara, Unit Audit Dalaman, dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

# PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

## PEMERIKSAAN MENGEJUT: PROGRAM UJIAN SARINGAN AIR KENCING DI BAHAGIAN SIBU



Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi memastikan warga kerja Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak bebas daripada penyalahgunaan bahan terlarang. Dengan Kerjasama daripada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Bahagian Sibu, program ini telah Berjaya dikendalikan semasa Seminar Integriti dan Pemantapan Pengurusan Kewangan (Siri 2) di Sibu bertempat di Tanahmas Hotel pada 30 Julai 2024.



# PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

## BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi menyemak semula senarai potensi risiko rasuah dan pelan tindakan yang sedia ada, mengenalpasti risiko-risiko rasuah yang terdapat dalam proses-proses dan prosedur kerja, dan memperhalusi dan mengenalpasti pelan tindakan yang boleh diambil bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah dalam organisasi. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 17 dan 18 September bertempat di The Waterfront Hotel, Kuching. Fasilitator yang telah hadir bagi membantu kaji semula pelan tersebut adalah Encik Zulhairy bin Zaidel daripada SPRM, Putrajaya dan Puan Susan Edward daripada SALCRA.



# PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

## HARI INTEGRITI TAHUN 2024: INTEGRITI PENGUKUH TATAKELOLA BAIK



Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi meningkatkan pengetahuan nilai professionalisme penjawat awam dalam penyampaian perkhidmatan, meningkatkan kesedaran penjawat awam agar memegang teguh pada amalan integriti, dan menggalakkan penjawat awam menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan yang beretika ketika bertugas. Program ini telah dijalankan secara hibrid pada 15 Oktober 2024 bertempat di Dewan Kompleks Islam, Kuching. Seramai 285 orang peserta termasuk peserta melalui aplikasi Zoom yang telah hadir ke program tersebut. Penceramah yang dijemput adalah daripada Residen Bahagian Sibu, SPRM Sarawak, Unit Audit Dalam, dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.